

APLIKASI KAEDAH PENGAJARAN BERASASKAN MODEL PENGAJARAN IBNU KHALDUN (732H/1332M – 808H/1406M)

Noraini Mohamad
*Pusat Pengajian Teras,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
e-mel: norainimohamad@kuis.edu.my.*

Siti Zaleha Ibrahim
*Pusat Pengajian Teras,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
e-mel: sitizaleha@kuis.edu.my.*

Siti Rashidah Abd. Razak
*Pusat Pengajian Teras,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
sitirashidah@kuis.edu.my.*

ABSTRAK

Pelbagai kaedah boleh digunakan oleh tenaga pengajar dalam aktiviti pengajaran terhadap pelajar. Aktiviti pengajaran yang dilaksanakan perlu sesuai dengan tahap dan kemampuan pelajar di setiap peringkat. Tokoh ilmuwan terkenal Ibnu Khaldun (732H/1332M–808H/1406M) ada membincangkan beberapa kaedah pengajaran yang boleh diterapkan kepada pelajar. Justeru kajian ini bertujuan mengenal pasti kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar dalam menyampaikan aktiviti pengajaran. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan teknik pengumpulan data melalui borang soal selidik yang diedarkan melalui rangkaian internet. Sampel kajian terdiri daripada 70 orang mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang menjalani sesi pengajaran pada sesi I 2020/2021 di KUIS. Dapatan kajian menunjukkan tahap persetujuan pelajar terhadap aplikasi kaedah pengajaran berdasarkan tahap kemampuan pelajar adalah 50%, tahap persediaan pelajar 55.7%, ulasan ringkas di permulaan aktiviti pengajaran 57.1%, kaedah membantu pelajar 60.9%, huraian yang jelas dan terperinci 67.1%, proses pengulangan 35.7%, kemampuan pelajar berdasarkan latar belakang 37.1%, tempoh pengajaran yang sesuai 58.6%, aktiviti ulang kaji 42.9% dan aplikasi pengajaran berdasarkan konsep beransur-ansur sebanyak 52.9%. Kajian ini diharap dapat memberi ruang untuk tenaga pengajar melihat semula teknik-teknik yang digunakan dalam sesi pengajaran, selain ia juga boleh dijadikan panduan untuk penambahbaikan dalam sesi pengajaran yang akan datang.

PENGENALAN

Kajian ini merupakan perbincangan berkaitan dengan aplikasi kaedah pengajaran berasaskan model pengajaran Ibnu Khaldun (732H/1332M – 808H/1406M). Ia bertujuan mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar dalam menyampaikan aktiviti pengajaran. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berdasarkan pengumpulan data melalui borang soal selidik yang diedarkan melalui rangkaian internet. Sampel kajian terdiri daripada 70 orang mahasiswa Kolej

Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang menjalani pengajian pada sesi I 2020/2021 di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan prinsip pendidikan dan ia tidak boleh diabaikan oleh semua pendidik dan juga pelajar. Beberapa prinsip pendidikan yang diutarakan oleh Ghazali Basri (2012) ialah meyakini bahawa Allah SWT adalah sebagai Pendidik Yang Maha Agung. Kenyataan ini disokong oleh kebanyakan tokoh pendidikan dalam Islam seperti al-Ghazali (2012), Ibnu Khaldun (2009), al-Attas (1978) dan lain-lain lagi. Prinsip seterusnya, manusia perlu sentiasa diperingatkan tentang amanah terhadap pendidikan iaitu tuntutan pendidikan kepada manusia. Penghasilan kerangka kurikulum yang bersifat holistik dan komprehensif melalui sumber-sumber al-Quran dan hadis merupakan antara yang penting dalam prinsip pendidikan, selain ia berfungsi untuk melatih dan membiasakan semua deria manusia untuk menurut segala perintah Allah SWT. Islam menganjurkan pendidikan seumur hidup kerana hubungan manusia dengan alam ini membawa manusia kepada kefahaman bahawa fenomena alam yang terus bergerak dan berkembang menurut peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT (Ghazali Basri: 2012).

Prinsip pendidikan juga perlu menyedarkan manusia tentang kedudukannya sebagai makhluk individu dan makhluk sosial, di samping kesedaran mengenai hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia serta alam yang merupakan suatu kesempatan yang mesti dimanfaatkannya sebaik mungkin untuk berbakti kepada Allah SWT. Berdasarkan beberapa prinsip ini, terbina satu sistem pendidikan yang akhirnya mampu membentuk keperibadian muslim yang unggul iaitu Muslim yang berilmu, beriman, bertakwa dan beramal (Ghazali Basri: 2012). Prinsip-prinsip ini perlu dijadikan asas dalam membentuk keperibadian pendidik dan juga membentuk kurikulum yang lebih lengkap.

Selain itu, Muhammad Nubli Abdul Wahab (2014) dalam penulisannya ada menyatakan beberapa prinsip pendidikan yang mesti ada dalam proses pengajaran. Antara yang dinyatakan ialah hubungan dengan Allah SWT dalam semua aspek pendidikan menyamai dengan apa yang diperkatakan oleh Ghazali Basri sebelum ini. Seterusnya tumpuan pendidikan adalah pembinaan komponen spiritual iaitu hati, nafsu, akal, perasaan dan roh. Pendidikan juga perlu menyeluruh dan merangkumi semua aspek keperluan diri manusia dari aspek fizikal, spiritual, tahap-tahap kehidupan manusia dan persekitaran hidup manusia selain berasaskan ilmu yang benar dan praktikal. Selain itu, pendidikan juga memerlukan kepada proses beransur-ansur dan ia tidak boleh dicapai secara mendadak. Seterusnya, proses pendidikan perlu bersifat mengosongkan diri dari tingkah laku negatif dan mengisi kekosongan berkenaan dengan sifat positif, selain suasana yang positif amat penting dalam merangsang pendidikan.


Pendidik sebagai model merupakan suatu ungkapan yang sangat penting perlu difikirkan oleh semua pendidik supaya perkara itu boleh diaplikasikan dalam kehidupan seorang pendidik. Memahami kemampuan dan hala tuju pelajar di samping objektif yang jelas merupakan sebahagian prinsip pendidikan yang harus dipegang oleh pendidik. Pendidikan perlu berasaskan ilmu yang boleh digunakan khususnya dalam kehidupan. Suatu yang perlu dihayati dalam pendidikan ialah proses pendidikan sepanjang hayat dan ia perlu dilaksanakan secara berterusan

tanpa mengira usia (Muhammad Nubli: 2014). Prinsip-prinsip pendidikan yang diutarakan dalam kajian ini kesemuanya menyentuh tentang aspek roh dan jasad. Kombinasi di antara roh dan jasad memang tidak boleh dipisahkan dalam aspek pendidikan Islam. Mengambil kesepakatan ini, kesemua prinsip pendidikan Islam yang ada ini perlu diterapkan dalam kesemua aspek pengajaran saudara baharu supaya ia mampu melahirkan matlamat akhir dalam pendidikan Islam iaitu mampu menjadi hamba yang taat kepada perintah Allah SWT.

Menyentuh mengenai matlamat akhir dalam pendidikan, kajian mendapati fokus utama dalam pendidikan ialah perubahan diri. Proses perubahan perlu memenuhi kriteria pendidikan yang dikehendaki iaitu proses *ta'lim*, *ta'dib*, *tazkiyah*, *tabisyir* dan *tanzir*. *Ta'lim* adalah proses memindahkan ilmu dan pengetahuan, *ta'dib* pula membentuk diri dengan adab dan tatasusila yang baik, *tazkiyah* ialah pembersihan diri daripada segala kekotoran sama ada berbentuk zahir atau kekotoran hati daripada sifat-sifat yang terkeji, *tabisyir* pula suatu imbuhan yang perlu diberikan kepada mereka yang berjaya, manakala *tanzir* adalah suatu ancaman atau hukuman bertujuan memberikan pengajaran jika mereka melakukan kesalahan yang tidak sepatutnya (Muhammad Nubli: 2012). Ini adalah prinsip-prinsip yang perlu ada dalam proses pendidikan. Pengajaran yang berkesan merupakan satu lambang kejayaan kepada proses pendidikan. Justeru kaedah pengajaran yang sesuai dan menepati kehendak pelajar perlu digunakan oleh semua pendidik terutama dalam menerapkan kefahaman dan penghayatan serta pengamalan sebagaimana yang dituntut dalam ajaran Islam.

1.0 MODEL PENGAJARAN IBNU KHALDUN (732H/1332M – 808H/1406M)

Ringkasan model pengajaran Ibnu Khaldun (2009) boleh difahami sebagaimana rajah berikut;



Rajah 3.1 Model Pengajaran Ibnu Khaldun (2009)

Sumber: Buku *al-Muqadimmah* karangan Ibnu Khaldun (2009)

Ibnu Khaldun (2009) menyatakan dalam huraianya berkaitan dengan kaedah pengajaran yang perlu dilaksanakan secara beransur-ansur. Beliau menekankan bahawa proses pengajaran ilmu pengetahuan kepada pelajar hanya akan dirasakan berkesan apabila ia dilakukan secara beransur-ansur dan sedikit demi sedikit. Pada mulanya guru akan memaparkan kepada pelajar berkaitan

masalah-masalah utama yang terdapat dalam setiap bab cabang ilmu tertentu. Menurut beliau, guru akan membiasakannya dengan mengulangnya secara ringkas. Sewaktu proses tersebut guru akan memastikan tahap kemampuan akal dan persediaan pelajar untuk memahami ilmu-ilmu yang akan diberikan tersebut sehingga pelajar betul-betul memahaminya. Selepas itu, guru perlu memainkan peranan dengan membantu para pelajar mengulang kaji disiplin ilmu tersebut untuk kali kedua.

Namun pada tahap ini guru akan mengajar perkara yang lebih tinggi, ia bukan sekadar sepintas lalu sebagaimana sebelum ini, akan tetapi guru perlu mengulangnya dengan ulasan yang lebih menyeluruh dan jelas sehingga ke akhir disiplin ilmu tersebut. Tidak cukup sekadar itu, pengulangan sekali lagi perlu dibuat bagi memastikan pelajar betul-betul memahami apa yang diajar oleh guru dengan mengulangnya untuk kali ketiga. Pada pengulangan kali ini, setiap kekaburan dan kerumitan yang dihadapi oleh pelajar akan diselesaikan dengan perbincangan yang lebih berasas dan diterangkan secara terbuka. Pengulangan sebanyak tiga kali adalah kaedah pengajaran yang sebaik- baiknya bagi memastikan keupayaan pelajar untuk memahami ilmu dengan lebih baik.

Selain itu, Ibnu Khaldun juga menyatakan bahawa perlu juga diperhatikan aspek lainnya seperti kemampuan akal seseorang pelajar. Guru tidak perlu menuntut lebih daripada pelajar sehingga ia tidak mampu ditanggung oleh pelajar disebabkan tahap umur dan juga keupayaannya untuk memahami ilmu. Guru juga tidak boleh mengambil masa yang terlalu lama untuk mengajarkan sesuatu ilmu. Begitu juga jarak di antara waktu rehat pun tidak boleh mengambil masa terlalu lama kerana dibimbangi apa yang diajar tadi hilang dari ingatan para pelajar sebelum sempat kita mengulang kaji apa yang telah difahami sebelum ini. Selain itu, guru juga tidak boleh menyusahkan pelajar dengan membincangkan sesuatu ilmu yang berbeza dalam satu masa kerana ia boleh membebankan pelajar (Ibnu Khaldun: 2009). Ringkasan yang boleh dibuat berdasarkan model pengajaran Ibnu Khaldun ini ialah, ilmu perlu diajar melalui proses beransur-ansur kemudiannya, berturut-turut, memperdalamkan dan menyeluruh mencakupi semua tajuk pelajaran. Untuk beralih kepada tajuk pelajaran yang lain (baharu) proses kitaran ini perlu diulang-ulang (proses pengulangan).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Berikut merupakan dapatan kajian berdasarkan sepuluh soalan soal selidik yang diedarkan kepada 70 orang responden. Soalan-soalan ini merupakan hasil adaptasi model pengajaran Ibnu Khaldun (2009) yang kemudiannya telah diedarkan kepada pelajar bagi melihat aplikasi kaedah pengajaran yang telah dilaksanakan oleh tenaga pengajar. Dapatan ini menggunakan skala 1-5 yang menunjukkan tahap sangat tidak setuju sehingga tahap sangat bersetuju. Ringkasan mengenai skala dapatan soal selidik adalah seperti jadual 4.1.

Jadual 4.1 Skala soal selidik

1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Bersetuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Bersetuju

Tenaga pengajar melihat kemampuan pelajar sebelum memulakan aktiviti pengajaran.

70 responses




Rajah 4.1 Soal selidik 1: Tahap kemampuan pelajar.

Rajah 4.1 menunjukkan sebanyak 50% yang menyatakan sangat bersetuju mewakili 35 orang pelajar, 34.3% bersetuju mewakili 24 orang pelajar, 12.9% menjawab tidak pasti mewakili 9 orang pelajar manakala 2.9% tidak bersetuju mewakili 2 orang pelajar. Dapatan ini menunjukkan sebanyak 50% mewakili sebahagian besar pelajar menyatakan sangat bersetuju terhadap aplikasi kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar iaitu tenaga pengajar telah meneliti kemampuan pelajar sebelum memulakan aktiviti pengajaran. Dapatan ini bersesuaian dengan model pengajaran berkesan yang dibawakan oleh Slavin (1995) menyatakan tenaga pengajar perlu mempunyai kebolehan dalam menyesuaikan pengajarannya dengan tahap pengetahuan pelajar.

Tenaga pengajar memastikan pelajar bersedia sebelum aktiviti pengajaran dimulakan.

70 responses




Rajah 4.2 Soal selidik 2: Persediaan pelajar.

Rajah 4.2 menunjukkan sebanyak 55.7% yang menyatakan sangat bersetuju mewakili 39 orang pelajar, 40% bersetuju mewakili 28 orang pelajar, manakala 2.9% menjawab tidak pasti mewakili 2 orang pelajar. Dapatan ini menunjukkan 55.7% mewakili sebahagian besar pelajar menyatakan sangat bersetuju terhadap aplikasi kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar iaitu dengan memastikan pelajar telah bersedia terlebih dahulu sebelum aktiviti pengajaran dimulakan. Dapatan kajian lepas ada menyatakan, pelajar perlu ada kesanggupan, motivasi dan keupayaan untuk belajar dalam keadaan persekitaran sosial dan akademik yang sesuai serta instruksi yang berkesan kepada pelajar (Rohaila et. al: 2005). Ini membuktikan, tenaga pengajar perlu melihat kesediaan pelajar sebelum aktiviti pengajaran dimulakan.

Tenaga pengajar membuat ulasan ringkas tentang topik yang akan diajar di permulaan aktiviti pengajaran.



70 responses




Rajah 4.3 Soal selidik 3: Ulasan ringkas di permulaan aktiviti pengajaran.

Rajah 4.3 menunjukkan sebanyak 57.1% yang menyatakan sangat bersetuju mewakili 40 orang pelajar, 37.1% bersetuju mewakili 26 orang pelajar, 4.3% menjawab tidak pasti mewakili 3 orang pelajar, manakala terdapat 1.4% mewakili 1 orang pelajar yang menjawab sangat tidak bersetuju.

Dapatan ini menunjukkan sebanyak 57.1% mewakili sebahagian besar pelajar menyatakan sangat bersetuju terhadap aplikasi kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar iaitu tenaga pengajar terlebih dahulu membuat ulasan ringkas tentang topik yang akan diajar di permulaan aktiviti pengajaran. Namun begitu, terdapat seorang pelajar yang menyatakan sangat tidak bersetuju dengan aplikasi kaedah ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh tenaga pengajar menunjukkan, terdapat pelajar yang menyertai kelas agak lambat dan sering terlepas maklumat dan pengenalan yang dibuat oleh tenaga pengajar di awal sesi kuliah. Ulasan ringkas pada permulaan aktiviti pengajaran adalah suatu pendekatan deduktif. Pendekatan deduktif adalah pendekatan memulakan sesuatu pengajaran dari perkara yang umum kepada yang lebih khusus (Brian Seaton: 1982).

Tenaga pengajar membantu pelajar untuk memahami isi pelajaran dengan baik.

69 responses




Rajah 4.4 Soal selidik 4: Membantu pelajar.

Rajah 4.4 menunjukkan sebanyak 60.9% yang menyatakan sangat bersetuju mewakili 42 orang pelajar, 31.9% bersetuju mewakili 22 orang pelajar, 4.3% menjawab tidak pasti mewakili 3 orang pelajar, manakala 2.9% menjawab sangat tidak bersetuju mewakili 2 orang pelajar. Dapatan ini menunjukkan sebanyak 60.9% mewakili sebahagian besar pelajar menyatakan sangat bersetuju terhadap aplikasi kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar iaitu tenaga pengajar telah membantu pelajar untuk memahami isi pelajaran dengan baik. Walau bagaimanapun, masih terdapat 2 orang pelajar yang menjawab sangat tidak bersetuju dengan aplikasi kaedah pengajaran ini menunjukkan tenaga pengajar perlu lebih peka terhadap persekitaran dan keperluan pelajar supaya sesi pengajaran akan menjadi lebih baik. Pelajar boleh dibantu melalui pelbagai cara sama ada secara psikologi atau fizikal. Namun bantuan yang jelas dalam sistem pengajaran adalah melalui alat bantu pengajaran. Sebagaimana kajian yang dibuat oleh Nik Salida Maizah (2004) menyatakan pemilihan teknik dan alat bantu mengajar yang sesuai telah membantu sebahagian besar (70.6%) pelajar untuk lebih meminati subjek yang diajar.

Tenaga pengajar membuat huraian dengan jelas dan terperinci tentang topik yang diajar.

70 responses




Rajah 4.5 Soal selidik 5: Huraian yang jelas dan terperinci tentang topik yang diajar.

Rajah 4.5 menunjukkan sebanyak 67.1% yang menyatakan sangat bersetuju mewakili 47 orang pelajar, 30% bersetuju mewakili 21 orang pelajar, 1.4% menjawab tidak pasti mewakili 1 orang pelajar, manakala 1.4% menjawab sangat tidak bersetuju mewakili 1 orang pelajar. Dapatan ini menunjukkan sebanyak 67.1% mewakili sebahagian besar pelajar menyatakan sangat bersetuju terhadap aplikasi kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar iaitu tenaga pengajar telah membuat huraian dengan jelas dan terperinci tentang setiap topik yang diajar. Namun masih juga terdapat seorang pelajar yang menjawab sangat tidak bersetuju terhadap aplikasi kaedah pengajaran ini. Dapatan ini boleh dijadikan sebagai satu koreksi kepada tenaga pengajar untuk menjalankan sesi pengajaran dengan lebih baik pada masa akan datang. Sebagaimana kajian menyatakan, kualiti dalam penyampaian pelajaran berserta arahan yang jelas daripada tenaga pengajar merupakan antara perkara yang penting dalam usaha mewujudkan pengajaran berkesan (Noor Lela & Nur Afrina Haziqah: 2020). Selain itu, kajian Fatimah (2002) mendapati penggunaan kaedah pengajaran yang tepat merupakan faktor terpenting dalam pengajaran dan pembelajaran kerana ia menentukan keberkesanan pengajaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar.

Tenaga pengajar membuat proses pengulangan terhadap topik yang diajar sebelumnya.



70 responses




Rajah 4.6 Soal selidik 6: Proses pengulangan.

Rajah 4.6 menunjukkan sebanyak 35.7% yang menyatakan sangat bersetuju mewakili 25 orang pelajar, 47.1% bersetuju mewakili 33 orang pelajar, 15.7% menjawab tidak pasti mewakili 11 orang pelajar, manakala 1.4% menjawab sangat tidak bersetuju mewakili 1 orang. Dapatan ini menunjukkan 47.1% mewakili sebahagian besar pelajar menyatakan bersetuju terhadap aplikasi kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar iaitu tenaga pengajar telah menjalankan sesi pengulangan terhadap topik yang telah diajar sebelumnya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Wahbah al-Zuhaily (2001), pengulangan *Iqra'* atau baca sebanyak tiga kali dalam kisah penurunan wahyu adalah bertujuan menekankan kesungguhan arahan membaca. Keupayaan membaca tidak akan dapat dikuasai dengan baik melainkan dengan adanya kesungguhan mengulang dan latih tubi (al-Zuhaily: 2001).

Tenaga pengajar melihat tahap kemampuan pelajar berdasarkan faktor latar belakang khususnya melibatkan tahap pengajian & semester.

70 responses




Rajah 4.7 Soal selidik 7: Melihat kemampuan pelajar berdasarkan latar belakang.

Rajah 4.7 menunjukkan sebanyak 37.1% yang menyatakan sangat bersetuju mewakili 26 orang pelajar, 42.9% bersetuju mewakili 30 orang pelajar, 18.6% menjawab tidak pasti mewakili 13 orang pelajar, manakala 1.4% menjawab tidak bersetuju mewakili 1 orang. Dapatan ini menunjukkan 42.9% mewakili sebahagian besar pelajar menyatakan bersetuju terhadap aplikasi kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar iaitu tenaga pengajar telah melihat kemampuan pelajar berdasarkan latar belakang khususnya yang melibatkan tahap pengajian dan semester yang diduduki oleh pelajar. Dapatan ini dikuatkan oleh kajian sebelum ini yang dibuat oleh Siti Zaleha et al (2016) khususnya dalam subjek al-Quran yang menyatakan, cabaran bagi tenaga pengajar apabila pelajar terdiri daripada pelbagai latar belakang akademik yang berbeza, selain percampuran di antara pelajar yang mempunyai asas bacaan dan tiada asas bacaan al-Quran boleh menimbulkan permasalahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Tempoh pengajaran yang dilaksanakan adalah bersesuaian.

70 responses




Rajah 4.8 Soal selidik 8: Tempoh pengajaran yang bersesuaian.

Rajah 4.8 menunjukkan sebanyak 58.6% yang menyatakan sangat bersetuju mewakili 41 orang pelajar, 34.3% bersetuju mewakili 24 orang pelajar, 5.7% menjawab tidak pasti mewakili 4 orang pelajar, manakala 1.4% menjawab sangat tidak bersetuju mewakili 1 orang. Dapatan ini menunjukkan 58.6% mewakili sebahagian besar pelajar menyatakan sangat bersetuju terhadap aplikasi kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar iaitu tempoh masa yang digunakan oleh tenaga pengajar adalah bersesuaian dan munasabah. Dapatan ini seiring dengan kajian Raba (2017) yang menyatakan pengurusan masa berkesan dalam pengajaran apabila tenaga pengajar memulakan pengajaran pada masa yang tepat dan mengajar secara teratur dan cepat tetapi kerap berhenti untuk memastikan kefahaman dan penyertaan pelajar dalam sesi pengajaran tersebut adalah baik. Selain itu, tempoh masa yang sesuai juga bergantung kepada subjek yang diajar, kajian yang dibuat oleh Muhammad Izzat Ngah et al (2016) menyatakan, tempoh pengajaran yang mencukupi perlu diadaptasi dalam pengajaran subjek khususnya Tilawah al-Quran bagi memastikan pelajar-pelajar dapat menguasai kemahiran bacaan dengan baik. Masa yang singkat akan membantutkan proses pementapan bacaan pelajar yang lemah. Al-Kailany (1986) juga menyatakan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh pendidik ketika memilih apa sahaja kaedah mengajar, antaranya ialah masa perlu mencukupi (Al-Kailany: 1986).

Tenaga pengajar melaksanakan aktiviti ulang kaji bagi setiap topik yang diajar.

70 responses




Rajah 4.9 Soal selidik 9: Melaksanakan aktiviti ulang kaji.

Rajah 4.9 menunjukkan sebanyak 42.9% yang menyatakan sangat bersetuju mewakili 30 orang pelajar, 34.3% bersetuju mewakili 24 orang pelajar, 21.4% menjawab tidak pasti mewakili 15 orang pelajar, manakala 1.4% menjawab sangat tidak bersetuju mewakili 1 orang pelajar. Dapatan ini menunjukkan sebanyak 42.9% mewakili sebahagian besar pelajar menyatakan sangat bersetuju terhadap aplikasi kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar iaitu tenaga pengajar telah melakukan sesi ulang kaji terhadap setiap topik yang diajar. Tenaga pengajar perlu melakukan aktiviti ulang kaji secara bersama dengan pelajar supaya sesi tersebut akan menjadi lebih berkesan.

Tenaga pengajar mengaplikasikan konsep pengajaran secara beransur-ansur.

70 responses



Rajah 4.10 Soal selidik 10: Aplikasi konsep pengajaran secara beransur-ansur.

Rajah 4.10 menunjukkan sebanyak 52.9% yang menyatakan sangat bersetuju mewakili 37 orang pelajar, 40% bersetuju mewakili 28 orang pelajar, 5.7% menjawab tidak pasti mewakili 4 orang pelajar, manakala 1.4% menjawab sangat tidak bersetuju mewakili 1 orang pelajar. Dapatan ini menunjukkan 52.9% mewakili sebahagian besar pelajar menyatakan sangat bersetuju terhadap

aplikasi kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar iaitu tenaga pengajar melaksanakan aktiviti pengajaran secara beransur-ansur. Konsep pengajaran ini banyak dibincangkan dalam penulisan sebelum ini, antaranya ialah Ibnu Khaldun (2009), al-Ghazali (1996) dan lain-lain.

5.0 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan praktik pengajaran dengan menggunakan pelbagai kaedah sangat perlu bagi menghasilkan pengajaran yang lebih baik dan boleh memberi kesan kepada pelajar dari sudut kefahaman dan penghayatan. Justeru tenaga pengajar perlu berusaha semaksimum yang mungkin untuk memberikan yang terbaik kepada pelajar dengan membuat persediaan rapi sebelum memulakan aktiviti pengajaran.

RUJUKAN

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Ghazali. 1996. *Ihya Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub.
- Al-Kilany, Taisi & Mulhim Iyad. 1986. *Al-Tawjih al-Fannya fi Usul al-Tarbiyyah wa al-Tadris*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Zuhaily, Wahbah. 2001. *Tafsir Al-Munir Juz 'Amma*, Zulkifli Hj. Mohd Yusof et.al. (terj.), Selangor: Persatuan Ulama Malaysia dan Intel Multimedia And Publication (MAP).
- Ghazali Basri. 2012. *Falsafah Pendidikan Islam Huraian Konsep & Aplikasi*. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.
- Ibnu Khaldun. 1987. *Muqadimmah Ibnu Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa & Pustaka. 2009. Beirut: Dar al-Qalam.
- Ibnu Khaldun. 2009. *Muqadimmah Ibnu Khaldun*. Terj. Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad Izzat Ngah, Siti Zaleha Ibrahim & Noraini Mohamad. *Cabaran Pengajaran Subjek Tilawah Al-Quran: Satu Kajian Di Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. International Conference On Aqidah, Dakwah And Syariah 2016 (IRSYAD 2016).
- Muhammad Nubli Abdul Wahab. 2012. *Kecemerlangan Pengurusan Organisasi dalam Islam* (siri 4). Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Muhammad Nubli. 2014. *Pendidikan Islam*. Siri 2&3. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Nik Salida Maizah Nik Saleh. 2004. *Kajian Antara Penguasaan Al-Quran Dengan Pencapaian Dan Minat Pelajar dalam Pendidikan Islam*. Tesis sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noor Lela Ahmad & Nur Afrina Haziqah Azman. 2020. *Tahap Amalan Pengajaran Berkesan Guru Prinsip Perakaunan Berasaskan Model Slavin*. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(1)(2020): 53-62.
- Raba, A. A. 2017. *The impact of effective teaching strategies on producing fast and good learning outcomes*. *International Journal of Research – Granthaalayah* 5(1): 43-58.
- Rohaila Yusof, Norasmah Othman & Faridah Karim. 2005. *Strategi Pembelajaran Pengalaman Berasaskan Model Kolb dalam Pendidikan Perakaunan*. *Jurnal Pendidikan* 30 , 113 - 128 113.

Siti Zaleha Ibrahim, Norsaadah binti Din & Muhammad Izzat Ngah. Cabaran Pengajaran Kelas Pengukuhan Al-Quran: Tinjauan Terhadap Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan (PASAK 2). 2017. Jilid 1.

Slavin, R. E. 1995. *A model of effective instruction*. The Educational Forum 59(2), 166- 176.